

**SIARAN MEDIA
UNTUK EDARAN SEGERA**

Theta Edge dan Agmo Menjalin Usahasama Strategik untuk Memacu Pertumbuhan Platform Diterajui AI

KUALA LUMPUR, 19 JUN 2025 — Theta Edge Berhad ("Theta"), penyedia transformasi digital terkemuka di Malaysia, dan Agmo Holdings Berhad ("Agmo"), pakar penyelesaian digital dan pembangunan aplikasi tempatan, hari ini mengumumkan pemeteraian perjanjian usahasama bagi menubuhkan sebuah syarikat usaha sama ("JVCo") antara anak syarikat Theta, Theta Technologies Sdn Bhd ("TTSB"), dan Agmo Capital Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Agmo.

Penubuhan JVCo ini bertujuan mempercepatkan pengkomersialan teknologi disruptif termasuk kecerdasan buatan (AI), rantai blok (blockchain), dan perkhidmatan berdasarkan platform yang menyasarkan sektor bernilai tinggi, dengan tumpuan awal ke arah transformasi sektor awam. Sebagai cabang pelaksanaan untuk rangkaian modular AI milik Theta – ThetaNeuron, JVCo akan memacu pelaksanaan pantas aplikasi dipacu AI merentasi bidang kesihatan digital, pengesahan halal, analitik pintar, dan domain baharu yang sedang berkembang.

Kerjasama ini menandakan anjakan strategik penting bagi Theta, daripada penyampaian sistem tempahan tradisional kepada penyelesaian berdasarkan platform yang boleh diskala, didukung oleh komponen AI yang boleh diguna semula dan reka bentuk berteraskan digital. Agmo pula membawa kepakaran mantap serta rekod prestasi dalam menghasilkan pelbagai penyelesaian digital yang berjaya. JVCo akan memanfaatkan penyelesaian sedia ada Agmo termasuk chatbot AI generatif, platform middleware e-Invois, *large language models* (LLM), sistem telekesihatan, serta platform pengesahan berdasarkan blockchain, yang direka untuk memberi manfaat kepada perusahaan besar mahupun syarikat baharu.

Tiga Tonggak Teras Strategi Pertumbuhan Awal JVCo:

1. Kecerdasan Pengesahan Halal

Dengan memanfaatkan AI dan teknologi rantaian blok, modul ini membolehkan pengesahan rantaian bekalan halal secara menyeluruh, menyokong daya saing global Malaysia dalam eksport halal, serta membantu PKS dan koperasi mematuhi piawaian pensijilan secara lebih cekap.

2. Platform Kesihatan Digital Dipacu AI

Memperluaskan kontrak terkini Theta Healthcare dengan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) untuk menyediakan unit X-ray mudah alih berdasarkan awan yang dipacu AI bagi saringan seluruh negara, JVCo merancang memperkuuh inisiatif ini dengan mengintegrasikan diagnostik, telekonsultasi, dan alatan saringan berkuasa AI untuk komuniti kurang mendapat perkhidmatan.

3. Analitik Pintar & Papan Pemuka Infrastruktur

JVCo akan meneroka pembangunan papan pemuka data modular yang memberikan pandangan masa nyata ke atas penyampaian perkhidmatan, prestasi kewangan dan impak sosial, bagi membolehkan pemimpin negeri dan tempatan membuat keputusan yang lebih pantas dan berinformasi.

Datuk Nuraslina Zainal Abidin, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Theta Edge Berhad, menyatakan, "Usahasama ini merupakan permulaan kepada babak baru Theta, didorong oleh pemproduktifan, pemonetisasi platform, dan inovasi AI yang disesuaikan mengikut keperluan industri. Dengan menggabungkan kekuatan Agmo dalam pembangunan platform secara tangkas bersama kepakaran bidang Theta, JVCo berada dalam kedudukan kukuh untuk memberikan impak bermakna merentasi sektor perkhidmatan kewangan, penjagaan kesihatan, perdagangan halal, logistik pintar, dan sektor awam. Kerjasama kami dengan NCSM hanyalah permulaan kepada banyak lagi aplikasi dunia nyata di mana AI bakal mentransformasi penyampaian perkhidmatan secara besar-besaran."

Encik Tan Aik Keong, Ketua Pegawai Eksekutif Agmo Holdings Berhad pula menambah: "Kerjasama dengan Theta ini membolehkan kami memperluaskan teknologi sedia pakai kami ke dalam persekitaran yang dikawal selia dengan fokus kepada kecekapan serta

aksesibiliti perkhidmatan. Melalui usahasama ini, kami berhasrat membangunkan sistem masa hadapan yang bersedia dan selamat dari segi data, sejajar dengan keperluan sebenar pelanggan dalam sektor yang sedang mengalami transformasi digital pesat."

Penubuhan JVCo ini juga sejajar dengan komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Theta Edge Berhad yang menjadi prinsip panduan dalam semua operasi perniagaan. Dengan menerapkan prinsip ESG ke dalam reka bentuk platform dan model perkongsianya, JVCo memperkuuh visi jangka panjang Theta dalam merealisasikan transformasi digital yang bijak, bertanggungjawab dan inklusif, demi menyokong keutamaan pembangunan negara dan matlamat kemampanan global.

Kerjasama bermakna antara dua peneraju teknologi tempatan ini dijangka memberi manfaat kepada lebih banyak industri dan komuniti, sekali gus merealisasikan transformasi digital berskala besar yang bersifat inklusif dan berteraskan matlamat.

TAMAT

Azzatullina Pawanchik | azzatullina.pawanchik@theta-edge.com
Rashid Ramli | rashid.ramli@theta-edge.com

Komunikasi Strategik Kumpulan Theta Edge Berhad

Mengenai Theta Edge Berhad

Theta Edge Berhad ialah peneraju penyelesaian teknologi dan penyedia transformasi digital di Malaysia, komited dalam menyampaikan penyelesaian pintar, boleh diskala dan lestari merentasi pelbagai industri. Berteraskan kecemerlangan dan inovasi, syarikat ini telah berkembang daripada projek bersifat kerajaan tradisional kepada model perniagaan berdasarkan platform dinamik yang merangkumi pasaran B2B dan B2C, dengan tumpuan strategik pada Bandar Pintar, Kesihatan Digital, Mobiliti Pintar, dan Analitik Berpandukan Data.

Dipandu visi untuk memacu penerapan teknologi ke arah masa depan mampan, Theta Edge Berhad memanfaatkan kepakarannya dalam AI, IoT, keselamatan siber dan perkhidmatan berdasarkan awan untuk memperkasa perniagaan, agensi kerajaan dan komuniti. Disokong tenaga kerja berkemahiran tinggi serta rangka kerja operasi fleksibel, syarikat kekal komited mendorong pertumbuhan mampan, inovasi penyelesaian dan sumber hasil berdaya tahan yang membentuk masa depan teknologi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.theta-edge.com

Mengenai Agmo Holdings Berhad

Agmo Holdings Berhad yang ditubuhkan pada 2017, bersama anak-anak syarikatnya terlibat dalam pendigitalan operasi perniagaan pelanggan melalui pembangunan penyelesaian menyeluruh dari perundingan transformasi digital hingga khidmat nashiat. Aplikasi yang dibangunkan Agmo digunakan dalam pelbagai industri termasuk kesihatan, logistik, minyak & gas, automotif, perkhidmatan kewangan dan sektor kerajaan.

Setelah membangunkan lebih 100 penyelesaian digital sejajar dengan trend dan permintaan pasaran semasa, Agmo turut menawarkan perkhidmatan berdasarkan platform digital kepada pelanggan seperti middleware e-Invois, e-polling berdasarkan blockchain, dan Agmo EV SuperApp – hab komprehensif untuk pengguna kendaraan elektrik.

Pada November 2024, Agmo melancarkan Merdeka LLM, satu penyelesaian kedaulatan AI yang membolehkan Malaysia mengubah suai model bahasa besar (LLM) untuk aplikasi khusus. Dengan infrastruktur AI dihoskan dalam negara, data AI diperoleh daripada rakan data tempatan, dan pelaksanaan AI dipacu bakat tempatan, Merdeka LLM memperkuuh keupayaan negara dalam bidang kecerdasan buatan sambil membina ekosistem AI yang mapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Agmo Holdings Berhad, sila layari: <https://www.agmo.group/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shum Jing Wei

Penolong Pengurus, Perhubungan Awam,

Esente Advisory Sdn. Bhd.

Tel: +603 64199501 /+603 64199502

Email: jingwei@esente.com.my
